



Pada keluaran kali ini, pihak MyKUKUM telah memilih seorang tokoh politik yang dikenali di Negeri Perlis dan juga merupakan salah seorang ahli tetap Lembaga Pengarah Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Beliau yang dimaksudkan ialah Y.B. Dato' Mohiyaddin @ Mohydin Che' Jan yang kini berkhidmat sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Sebelum memulakan wawancara, pihak KUKUM ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan tersebut. Pertama sekali, bolehkan Y.B. Dato' ceritakan sedikit sebanyak tentang latarbelakang pendidikan dan pengalaman kerjaya sehingga kini.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak KUKUM. Saya telah mendapat pendidikan awal di Derma English School (Primary) dan Putra English School (Primary) Kangar sebelum ke Derma English School (Secondary) Kangar. Pada tahun 1966 hingga 1968 saya berada di Sultan Abdul Hamid College Alor Setar, Kedah sebelum melanjutkan pelajaran di Maktab Polis DiRaja Malaysia, Kuala Kubu Bharu, Selangor sehingga tahun 1970. Seterusnya saya mengambil B.A. (Hons) dalam jurusan International Relations di Universiti Malaya, Kuala Lumpur selama 4 tahun.

Saya memulakan kerjaya saya dengan memasuki Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dan seterusnya berkhidmat di Bahagian Kabinet dan Perlembagaan, Jabatan Perdana Menteri. Pada 1979 saya ditukarkan ke INTAN, Jalan Elmud sebagai Pegawai Projek Kanan. Seterusnya saya telah melanjutkan pelajaran ke Pennsylvania State University, U.S.A. dengan mengambil jurusan Master in Public Administration. Saya kembali bertugas di INTAN Kuala Lumpur sebagai Ketua Pegawai Penyelidik dan Perancangan selama 6 bulan sebelum bertukar ke INTAN Wilayah Utara, Sungai Petani, Kedah sebagai Penyelaras Program dan seterusnya di INTAN Kuala Lumpur. Pada Februari 1985, saya telah dilantik untuk menyandang jawatan Setiausaha Sulit kepada Ketua Setiausaha Negara di Jabatan Perdana Menteri yang pada ketika itu Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ahmad Sarji Abdul Hamid sehingga Jun 1996. Seterusnya saya telah dipertanggungjawabkan untuk memegang jawatan Pendaftar Pertubuhan Malaysia sehingga Disember 2001 sebelum bertugas di Negeri Perlis ini sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis sehingga kini.

SOALAN :

KUKUM mula diwujudkan di Negeri Perlis pada April 2002 dan merupakan IPTA yang 'termuda' di negara ini. Jadi, apakah pandangan peribadi Y.B. Dato' tentang penubuhan KUKUM yang boleh dikategorikan sebagai 'baru setahun jagung' ini?

JAWAPAN

Kecemerlangan dasar pendidikan negara jelas terbukti dengan bertambahnya pelajar-pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan SPM dan STPM dari tahun ke tahun. Dalam hubungan ini, Perlis tidak terkecuali. Penambahan pelajar-pelajar yang cemerlang menyumbang kepada peningkatan permintaan terhadap tempat belajar di IPTA tempatan. Penawaran tempat belajar dalam negeri tidak dapat menampung permintaan yang meningkat dari tahun ke tahun. Justeru, pihak kerajaan terpaksa menghantar pelajar-pelajar kita ke luar negeri sebagai satu langkah untuk membuka peluang pendidikan kepada pelajar-pelajar yang berkelayakan. Kita semua sedia maklum bahawa kos untuk membiayai seorang pelajar di luar negeri jauh lebih tinggi berbanding dengan kos pembiayaan seorang pelajar dalam negeri. Dalam konteks ini, saya berpendapat bahawa penubuhan KUKUM di Negeri Perlis dan beberapa lagi Kolej Universiti di Pahang, Melaka dan Negeri Sembilan adalah tepat pada masanya kerana ia menambahkan lagi tempat untuk belajar kepada bukan sahaja pelajar-pelajar di Negeri Perlis tetapi juga kepada pelajar-pelajar dan rakyat Malaysia umumnya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan tinggi.


Penubuhan sebuah organisasi bermula secara berperingkat-peringkat iaitu peringkat pengenalan, peringkat pertumbuhan dan seterusnya peringkat kematangan. Proses ini dilalui oleh semua organisasi dan saya yakin bahawa KUKUM akan juga melalui proses yang sama. Pada peringkat pengenalan, sudah pasti KUKUM akan menghadapi berbagai cabaran dan kesulitan dari segi mendapatkan tempat untuk pembangunan kampus tetap, kemudahan asrama, peralatan yang lengkap dan kerja-kerja amali dan tenaga pengajar yang berpengalaman. Kemudiannya, pada peringkat pertumbuhan sudah pasti pihak KUKUM akan dapat mengembangkan perkhidmatannya melalui program-program kerjasama dengan universiti-universiti tempatan dan luar negeri bagi memperkenalkan bidang-bidang kursus baru kepada pelajar-pelajar di peringkat serantau mahupun di peringkat global dan seterusnya menjadikan matang sebagai sebuah institusi pendidikan yang berwibawa setanding dengan universiti-universiti yang lain di Malaysia mahupun di luar Negara. Isu 'baru setahun jagung' tidak timbul kerana setiap organisasi akan melalui proses pembelajaran atau learning process. Sebagai sebuah organisasi pembelajaran atau learning organization seharusnya KUKUM akan terus membuat pembaharuan secara berterusan demi meningkatkan kualiti dan efisiensi core business untuk memenuhi kehendak pelanggannya.

SOALAN :

Pada pendapat Y.B. Dato', apakah cabaran yang perlu dilalui oleh KUKUM dan IPT-IPT yang lain dalam merealisasikan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan negeri ini terkenal sebagai sebuah negeri ilmu?

JAWAPAN :

Negeri Perlis adalah sebuah negeri yang terkecil sekali di Malaysia dengan penduduk seramai 217,900 orang. Di masa lampau, sektor pertanian merupakan sumber ekonomi yang utama bagi rakyat Negeri Perlis. Memandangkan bahawa pembangunan sektor pertanian agak terhad kerana ketandusan tanah untuk mengembangkan aktiviti pertanian, maka kerajaan negeri segera mempelbagaikan ekonominya dengan memberi fokus kepada tiga sektor utama iaitu perindustrian, pendidikan dan pelancongan. Kerajaan negeri sedar bahawa sektor pendidikan boleh menjana ekonomi negeri melalui kesan limpahan kemasukan ramai pelajar yang lantas mendorong kepada permintaan terhadap berbagai aktiviti ekonomi yang berkaitan dengan perkhidmatan pendidikan. Kemasukan pelajar secara beramai-ramai akan meningkatkan permintaan terhadap perumahan, perabot, pengangkutan, makanan, pakaian dan perkhidmatan lain yang berkaitan dengan pendidikan.



**Y.B. Dato' Mohiyaddin
@ Mohydin Che' Jan**

Oleh : Rozz Izawatee Azizan



Setakat ini Negeri Perlis sudah mempunyai beberapa IPT yang sedang beroperasi iaitu cawangan UiTM yang terbesar di Malaysia, Institut Pengajian Tinggi Islam Malaysia (IPTIPs), Maktab Perguruan Perlis dan juga KUKUM. Dalam sedikit waktu lagi, sebuah Politeknik dan Institut Kemahiran Belia Negara akan turut beroperasi di Negeri Perlis. Institusi pendidikan lain yang sedang dirancang untuk dibina di Negeri Perlis termasuklah Fakulti Perubatan Komplementari dan Alternatif di bawah kelolaan Universiti Sains Malaysia, Kolej JAKIM dan Kolej Kejuruteraan. Di samping itu, Negeri Perlis juga sedang merancang untuk membina beberapa buah sekolah seperti Sekolah Integrasi, Sekolah Sukan, Kolej Komuniti dan Sekolah Menengah Agama (Perempuan) Berasrama Penuh. Kesemua projek-projek berasaskan pendidikan ini akan menyumbang kepada konsep untuk menjadikan Negeri Perlis sebagai Negeri Ilmu. Adalah diharapkan lebih ramai pelajar akan datang ke negeri ini untuk menimba ilmu dan menjadi Perlis sebagai medan untuk memajukan diri, keluarga, bangsa dan negara.

Sebagai sebuah Kolej Universiti yang bertaraf Universiti, KUKUM menghadapi berbagai cabaran dalam merealisasikan dasar pendidikan negara dicapai. Cabaran utama KUKUM ialah untuk menjadikan masyarakat Malaysia sebagai masyarakat yang berilmu pengetahuan atau knowledge-based society. Dalam merealisasikan cita-cita tersebut, KUKUM perlu memainkan peranan utama sebagai role model dalam memajukan sektor pendidikan di Negeri Perlis. KUKUM harus berusaha ke arah mewujudkan suasana atau persekitaran yang kondusif bagi masyarakat bergerak ke arah memperkasakan budaya ilmu. Dalam hubungan ini, KUKUM hendaklah lebih terbuka dan menggalakkan penyerapan masyarakat dalam aktiviti-aktiviti anjurannya supaya masyarakat tidak memandang KUKUM sebagai sebuah menara gading yang terpisah daripada masyarakat.

Sebagai sebuah universiti, infrastruktur pembelajaran di KUKUM hendaklah berupaya membuat lonjakan untuk menjana dan membentuk pelajar-pelajar yang mempunyai daya saing yang tinggi apabila mereka memasuki pasaran tenaga kerja yang kompetitif masakini. Graduan-graduan daripada KUKUM hendaklah berupaya untuk menggunakan teknologi masakini dan menyumbang ke arah membentuk idea dan teknologi akan datang. Daya saing pelajaranya juga bukan sahaja terletak kepada ilmu yang dipelajari tetapi ketinggian daya saingnya juga diasaskan kepada akhlak yang tinggi dan berperibadi mulia.

Sebagai pusat pengajian tinggi, KUKUM hendaklah bertindak sebagai pusat kecemerlangan khususnya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan atau R&D. Penyelidikan dan pembangunan ke arah membangunkan teknologi sendiri atau indigenous technology merupakan cabaran yang paling utama yang perlu diberi perhatian oleh KUKUM.

SOALAN:
Apakah impak langsung dan tidak langsung yang dihasilkan oleh KUKUM ke atas perkembangan politik dan ekonomi Negeri Perlis?

JAWAPAN:
Penubuhan KUKUM membawa impak yang langsung kepada ekonomi Negeri Perlis dari segi kemasukan pelaburan dari luar ke dalam sektor pembinaan. Aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan sektor pembinaan adalah luas merangkumi kerja-kerja tanah, pengangkutan, pembinaan struktur bangunan, mekanikal dan elektrikal, rekabentuk bangunan, pengukuran (survey), pemasangan paip air, pembentangan, pembinaan jalan dan sebagainya. Kerja-kerja ini semua memerlukan tenaga kerja yang

banyak, justeru pembangunan KUKUM dapat membuka peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan khususnya Negeri Perlis.

Dari segi politik, penubuhan KUKUM mencerminkan komitmen kerajaan untuk memberi pendidikan dan membina masyarakat yang berilmu dan berfikir terbuka supaya rakyat akan terus menyokong kerajaan yang memerintah. Rakyat yang berilmu dan berpendidikan akan memudahkan kerajaan untuk mengerakkan pembangunan sosio-ekonomi agar kerajaan akan terus kukuh.

SOALAN:
Dapatkan Y.B. Dato' memberikan sedikit gambaran tentang bagaimakah keadaan atau rupabentuk pembangunan fizikal dan suntikan spiritual KUKUM (kepada masyarakat Negeri Perlis) dalam jangkamasa 10 tahun akan datang?

JAWAPAN:

Pada pendapat saya, kehadiran KUKUM akan merubah lanskap pembangunan fizikal dan spiritual rakyat Negeri Perlis dalam 10 tahun yang akan datang. Dari pengamatan saya, di mana sahaja sesbuah IPT itu ditubuhkan, kawasan disekitaranya akan turut berkembang seiring dengan pembangunan IPT tersebut. Dalam hubungan ini, Ulu Pauh di mana kampus utama KUKUM akan dibina akan berubah wajah menjadi pusat pertumbuhan baru bagi Negeri Perlis di masa akan datang. Sebagai contoh, kita dapat lihat bandar Bangi berkembang maju setelah Universiti Kebangsaan Malaysia dibina di sana. Lazimnya apabila sesuatu kawasan dibangunkan dengan infrastruktur yang lengkap, harga tanah di kawasan tertentu akan naik dan ini secara langsung akan menarik lebih ramai para pelabur untuk melabur di sekitar kawasan pusat pertumbuhan baru tersebut. Saya yakin permintaan terhadap perumahan dan premis perniagaan akan turut juga meningkat sebagai pelengkap kepada pertumbuhan fizikal sesuatu kawasan. Oleh yang demikian, kemasukan pelabur swasta sudah pasti akan merubah keadaan dan rupabentuk pembangunan fizikal dengan berubahnya kegunaan tanah mengikut cita rasa pengguna dan pemilik tanah.

Dari segi spiritual, saya percaya kehadiran KUKUM ditengah-tengah masyarakat Negeri Perlis akan membuka mata dan menyedari mereka akan betapa pentingnya pendidikan dalam kehidupan masyarakat yang semakin mencabar. Dalam era globalisasi, ilmu pengetahuan amat penting untuk melahirkan masyarakat Perlis yang berdaya saing dan berdaya tahan. Generasi muda masakini akan terdorong untuk bekerja keras untuk memasuki IPT bagi kebaikan keluarga, bangsa dan negara mereka. Oleh yang demikian, saya dapat gambarkan bahawa suatu hari nanti Ulu Pauh akan menjadi sebuah bandar yang serba lengkap dengan kemudahan-kemudahan pembelajaran dan kediaman yang selesa dan dibanjiri oleh mahasiswa-mahasiswa yang ingin mendalami ilmu pengetahuan untuk meningkatkan jatidiri, maruah negara dan bangsa.

Saya juga percaya jika KUKUM dapat mempengaruhi masyarakat Negeri Perlis tentang kepentingan ilmu pengetahuan dalam kehidupan sehari-hari maka dengan sendirinya masyarakat Negeri Perlis akan turut berubah di masa akan datang dan meletakkan ilmu pengetahuan sebagai bidang keutamaan yang harus dituntut oleh mereka. Masyarakat umumnya menyangkut tinggi pensyarah-pensyarah yang berkelulusan tinggi dalam bidang pengkhususan mereka dan apa sahaja yang mereka katakan seringkali menjadi ikutan para pelajar dan cendiakawan masakini. Jika suntikan spiritual ini dapat dimanfaatkan, maka saya percaya KUKUM akan dapat membantu meningkatkan keupayaan masyarakat untuk mendalami ilmu dan bersaing dalam persekitaran dunia

yang semakin mencabar.

SOALAN:

KUKUM telahpun meletakkan misi iaitu merealisasikan aspirasi negara dan menyumbangkan kepada ketamadunan dunia. Sehubungan dengan itu, apakah aspek yang perlu diberikan penumpuan khusus dan dipertingkatkan lagi dalam bidang kejuruteraan demi mencapai misi seperti yang telah ditetapkan tersebut?

JAWAPAN:

Sebagai sebuah IPT, disamping menyampaikan ilmu pengetahuan kepada para pelajar, KUKUM seharusnya dapat menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang-bidang teknologi yang dapat membantu dalam mengatasi masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan negara. Contohnya, Malaysia masakini menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja mahir dalam sektor pembinaan, perlادangan dan perindustrian. Jadi, KUKUM hendaklah menjadikan masalah ini satu peluang untuk menyelidik dan membangun teknologi yang dapat mengambil alih labour-intensive industries yang banyak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Saya faham bahawa di peringkat IPT kebanyakan penyelidikan lebih bersifat basic research. IPT seharusnya berkerjasama dengan pihak-pihak industri swasta supaya mereka dapat mengkomersialkan penyelidikan asas itu supaya ia dapat digunakan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh masyarakat dan negara.

Bidang kejuruteraan dilihat sebagai satu bidang yang susah untuk dipelajari. Jadi, untuk mendapatkan penyerapan pelajar dan masyarakat yang lebih luas, saya ingin mencadangkan supaya KUKUM dapat memudahkan bidang kejuruteraan ini agar lebih ramai pelajar dapat mencuei bidang kejuruteraan. Saya katakan demikian kerana di negara-negara yang maju di dunia, mereka mempunyai ramai jurutera yang menjalankan penyelidikan dalam bidang-bidang baru yang berpotensi dibangunkan untuk kesejahteraan masyarakat sejagat. Saya mengucapkan syabas kepada KUKUM kerana kurikulum kejuruteraan di KUKUM menjuruskan lebih banyak kepada kerja-kerja amali atau hands-on berbanding dengan teori. Saya tidak kata teori itu tidak penting tetapi melalui kerja-kerja amali para pelajar akan dapat menghayati ilmu kejuruteraan dengan lebih mendalam lagi khususnya dari segi aplikasinya dalam kehidupan masyarakat searian.

KUKUM adalah sebuah institusi awam yang memberi perkhidmatan kepada masyarakat dan negara. Justeru, KUKUM hendaklah mendampingi rakyat agar ia menjadi satu institusi rujukan bagi bidang-bidang yang berkaitan dengan kejuruteraan.

Sebagai sebuah institusi yang menjana ilmu bagi masyarakat, KUKUM hendaklah mengadakan networking dengan IPT-IPT tempatan yang lain di samping memperluaskan jalinannya dengan institusi-institusi pengajian tinggi di luar negeri supaya KUKUM diiktiraf sebagai Kolej Universiti yang universal dan bertaraf antarabangsa.

KUKUM hendaklah membuka pintunya kepada pelajar-pelajar luar negeri supaya ia dapat menjadikan dirinya sebagai pusat kecemerlangan akademik di rantau ini selaras dengan konsep Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand. KUKUM juga boleh mengadakan kerjasama dengan universiti-universiti di Amerika Syarikat dan Eropah supaya jalinan kerjasama yang lebih luas dapat dihasilkan demi untuk mencapai cita-cita menjadikan KUKUM sebagai pusat kecemerlangan akademik di rantau ini dan dunia keseluruhannya bersesuaian dengan ketamadunan dunia antarabangsa masakini dan masa akan datang.